

Pulau Terumbu: Malaysia akan jawab bantahan Vietnam

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

KUALA LUMPUR, Jumat — Malaysia hari ini mengesahkan telah menerima bantahan dari Kerajaan Vietnam mengenai Terumbu Layang-Layang, sebuah pulau yang sentiasa dan sememangnya menjadi sebahagian dari wilayah Malaysia.

Timbalan Menteri Luar, Encik Abdul Kadir Sheikh Fadzir menegaskan bahawa Malaysia akan menjawab kepada kerajaan Vietnam melalui saluran diplomatik biasa mengenai perkara itu.

Sebaliknya, Encik Abdul Kadir pula mengingatkan Vietnam tentang bantahan Malaysia tentang pendudukan Vietnam di Pulau Amboyna (Amboyna Cay), yang terang-terang mencerobohi maruah dan kedaulatan Malaysia.

"Kita juga ingin tahu akan langkah yang telah diambil oleh Vietnam untuk meminggalkan pulau itu," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Laporan dari Bangkok semalam berkata Vietnam menuntut Malaysia mengundurkan askar-askarnya dari sebuah pulau yang dipertikaikan di Laut China Selatan itu.

Menurut berita yang dipetik dari Agensi Berita Vietnam itu, sepucuk surat bantahan telah disampaikan kepada Duta Malaysia di Hanoi, Encik Abdul Halim bin Ali.

Kedaulatan

Surat bantahan itu menyatakan bahawa Vietnam mempunyai kedaulatan ke atas pulau itu dan kepulauan Truong Sa. Ia menuntut Malaysia memindahkan askar-askarnya, menurunkan bendera disamping menghormati kedaulatan Vietnam di kawasan itu di masa depan.

Bagi rakyat Malaysia pulau itu dikenali sebagai Terumbu Layang-Layang sementara orang Vietnam memanggilnya Da Hoa Lau.

Kepulauan itu sering digelar sebagai Spratly dan didakwa oleh Malaysia, Vietnam, Taiwan dan Filipina, sebagai kepunyaan masing-masing.

Pulau Terumbu Layang-Layang dan kepulauan lain berhampirannya adalah dalam kawasan 200 batu zon ekonomi Malaysia.

Ahad lalu, Ketua Turus Angkatan Tentera, Tan Sri Jeneral Mohamed Ghazali Seth berkata, kira-kira 10 hingga 20 askar telah dihantar ke pulau itu, 60 kilometer ke tenggara sebuah lagi pulau yang diduduki oleh askar-askar Vietnam.

Encik Kadir menegaskan, "Kita sekali lagi suka mengulangi bahawa Malaysia tiada ada sebarang tuntutan ke atas Pulau Spratly, tetapi sebaliknya, pulau kecil Amboyna adalah sentiasa dan memang menjadi sebahagian dari Wilayah Malaysia.

Malaysia juga mengambil perhatian di atas kesediaan Vietnam untuk mencari jalan penyelesaian mengenai pulau kecil Amboyna melalui perundingan berdasarkan saling hormat menghormati kemerdekaan dan kedaulatan negara masing-masing bersesuaian dengan amalan undang-undang antarabangsa serta bagi kepentingan keamanan dan kestabilan di rantau ini.